

Tiada paksaan bagi bukan Islam

Oleh SHAHARUDIN LATIF

BUTTERWORTH, Jumaat Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, kerajaan tidak pernah dan tidak akan memaksa rakyat bukan Islam di negara ini memeluk agama Islam, sebaliknya mereka akan terus dibenarkan memilih agama masing-masing tanpa sebarang paksaan.

Perdana Menteri berkata, kerajaan juga tidak akan menjadikan nasib mereka buruk dengan menindas atau merampas hak mereka pada masa depan.

"Kita akan terus bersikap sederhana dan toleransi seperti yang diamalkan sebelum ini dan memastikan nasib mereka tetap dibela," katanya di majlis perjumpaan dengan pemimpin dan ahli Umno di bangunan Umno bahagian Permatang Pau di Sungai Semambu dekat sini, hari ini.

Perdana Menteri kesal kerana akhir-akhir ini timbul kebimbangan di kalangan bukan Melayu kononnya mereka dipaksa memeluk Islam.

Beliau juga sedih kerana ada pihak menuduh kononnya kerajaan yang diterajui oleh Umno dan orang

Melayu sekarang, tidak berlaku adil. Cuba menindas dan memaksa bukan Islam memeluk Islam.

"Rekod kerajaan, khususnya Umno membuktikan bahawa kita tidak pernah cuba memaksa bukan Islam memeluk Islam, apatah lagi cuba merampas hak mereka. Kecuali mereka sendiri memeluk Islam dengan sukarela," katanya.

Menurutnya, rekod menunjukkan kerajaan sentiasa berlaku adil dan ikhlas, khususnya dalam hak beragama. Sekiranya dibuat perbandingan dengan beberapa negara lain, terutama di England dan negara Eropah lain, Malaysia adalah jauh lebih baik dan bertolak ansur dalam hak beragama.

"Di mana lagi negara yang kita boleh lihat bukan saja masjid, tetapi juga kuil Hindu dan Cina tumbuh dengan banyak, kecuali di Malaysia. Ini jelas menunjukkan kerajaan tidak menyekat rakyatnya memilih agama sendiri," katanya.

Sehubungan itu, beliau meminta bukan Islam di negara ini supaya insaf dan bersyukur dengan apa yang dinikmati sekarang dan tidak melemparkan tuduhan yang bukan-bukan terhadap kerajaan.